

NO. SOALAN : 24

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH
[KUANTAN]**

TARIKH : 15 MAC 2017 (RABU)

SOALAN :

YB. PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH [Kuantan] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan secara terperinci cara dan langkah untuk mencapai lima juta hektar hutan simpanan kekal pada tahun 2020.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian sentiasa komited dalam usaha pemeliharaan dan pemuliharaan hutan selaras dengan komitmen negara untuk mengekalkan sekurang-kurangnya 50 peratus daripada keluasan tanah negara dilitupi pokok-pokok dan kawasan berhutan termasuklah usaha untuk mencapai 5 juta hektar Hutan Simpanan Kekal (HSK) menjelang tahun 2020. Di antara inisiatif yang dilaksanakan dalam menjayakan komitmen ini adalah seperti berikut:

- (i) mengekalkan pewartaan kawasan HSK sedia ada untuk diurus melalui amalan Pengurusan Hutan Secara Berkekalan bagi faedah sosial, ekonomi dan alam sekitar untuk kepentingan rakyat dan negara;
- (ii) mewartakan kawasan cadangan HSK yang telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) sebagai HSK;
- (iii) mewartakan kawasan-kawasan tanah kerajaan berhutan sebagai HSK;
- (iv) menggantikan mana-mana kawasan HSK yang telah dikeluarkan/dimansuhkan dengan kawasan hutan lain yang lebih kurang sama luasannya;
- (v) meningkatkan kualiti kawasan HSK melalui aktiviti restorasi dan pemuliharaan kawasan hutan terosot;

- (vi) melaksanakan aktiviti pemeliharaan in-situ dan ex-situ terutamanya bagi spesies flora yang *Endangered, Rare and Threatened* (ERT);

- (vii) memperkemaskan mekanisma penguatkuasaan hutan melalui program *National Blue Ocean Strategy* (NBOS) seperti 1 Malaysia *Biodiversity Enforcement Operation Network* (1MBEON) dan *Centralised Enforcement Team* (CET), penubuhan Pasukan Elit Penguatkuasaan JPSM (*JPSM Elite Team*) dan penggunaan teknologi dan peralatan terkini seperti *Forest Monitoring Using Remote Sensing* (FMRS), *Unmanned Aerial Vehicle* (UAV), *Geographical Information System* (GIS), *Hyperspectral sensors* dan *Global Positioning System* (GPS) semasa menjalankan aktiviti penguatkuasaan hutan dan pemantauan pencerobohan hutan; dan

- (viii) mempertingkatkan aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam perhutanan.

Sekian, terima kasih.